

30 JAN 1996

Mahathir-Nuklear

TINDAKAN PERANCIS TIDAK DILUPAKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Malaysia mengambil perhatian akan keputusan Perancis untuk menghentikan ujian nuklearnya di Pasifik Selatan tetapi tetap mengutuk Paris kerana mengadakan siri ujian itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dengan menghentikan ujian nuklearnya, Paris berharap semua orang akan melupakan kemusnahan yang disebabkan oleh ujian-ujian itu.

"(Tetapi) semua orang tidak akan lupa bahawa negara ini (Perancis) telah memutuskan untuk tidak mengendahkan pendapat-pendapat daripada seluruh dunia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran "Multimedia Malaysia '96", ekspo dan persidangan multimedia Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ekspo dan persidangan empat hari itu akan diadakan di PWTC mulai 1 Ogos.

Dr Mahathir berkata: "Mereka (Perancis) telah melancarkan enam bom nuklear dan mereka telah menyebabkan banyak kemusnahan."

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas pengumuman Presiden Perancis Jacques Chirac, untuk menamatkan kontroversi ujian senjata nuklear Perancis selepas melancarkan enam letupan bawah tanah dalam lima bulan lepas.

Kedutaan Perancis dalam satu kenyataan di sini hari ini memetik Chirac, dalam ucapannya melalui televisyen, sebagai berkata keputusan yang dibuatnya pada Jun lepas telah "menyebabkan kebimbangan di Perancis dan di mana-mana sahaja."

Chirac berkata: "Dengan siri akhir yang baru saja selesai ini, Perancis akan mempunyai sistem pertahanan yang berkesan dan moden, yang akan berkekalan. Keselamatan negara kami, negara anak-anak kami akan terjamin."

Pelancaran bom nuklear di dasar laut Fangataufa di French Polynesia pada Sabtu lepas merupakan ujian yang keenam dan Chirac berkata ia adalah yang terakhir.

Dr Mahathir berkata Perancis, "sebagai anggota Barat" telah menentang seluruh dunia dengan melaksanakan ujian-ujian itu. Tetapi jika pencabulan kecil hak asasi manusia dilakukan (oleh negara membangun) ia akan menjadi perkara kritikal -- ini adalah "hipokrit," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata walaupun Perancis memutuskan untuk menghentikan ujian nuklearnya, Malaysia akan membangkitkan perkara itu pada mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok Mac ini.

Sementara itu, Wisma Putra berkata Perancis harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kesan buruk akibat daripada ujian-ujian nuklearnya terhadap rakyat dan alam sekitar Pasifik Selatan.

"Malaysia, seperti negara-negara lain di rantau ini, sangat bimbang dengan kesan jangka panjang alam sekitar dan ekologi di Pasifik Selatan, dan menyarankan Perancis untuk mengurangkan kebimbangan itu dengan menjalankan kajian menyeluruh dan telus secara kerjasama dengan badan-badan antarabangsa berkaitan," demikian menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini.

Wisma Putra menggesa kerajaan Perancis supaya bekerjasama dengan anggota lain Persidangan Pelucutan Senjata di Geneva ke arah mencapai satu keputusan berjaya bagi Perjanjian Pengharaman Ujian Menyeluruh sebelum akhir tahun ini.

Malaysia juga mahukan kerajaan Perancis supaya menunjukkan komitmen kukuh ke arah mencapai pelucutan senjata nuklear dan penghapusan sepenuhnya

senjata-senjata itu. -- BERNAMA